

**HALA TUJU POLITIK MELAYU-ISLAM  
TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD**

**MOHAMAD SYAFIQ BIN MOHAMAD JEFRI**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2025**

**HALA TUJU POLITIK MELAYU-ISLAM  
TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD**

**oleh**

**MOHAMAD SYAFIQ BIN MOHAMAD JEFRI**

**Tesis diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Sarjana Sains Kemasyarakatan**

**Jun 2025**

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT dengan limpah rahmat dan kasih sayangNya yang telah mengurniakan kesihatan, kekuatan, kesabaran, dan semangat sepanjang proses penghasilan tesis ini. Selawat dan salam ke atas Junjungan Mulia Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan sahabat-sahabat Baginda SAW. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih dirakamkan buat Dr. Mohd Syakir Mohd Rosdi selaku penyelia, dan Profesor Madya Dr. Mohd Shukri Hanapi iaitu penyelia bersama, atas bimbingan, bantuan dan tunjuk ajar sepanjang proses penghasilan tesis ini. Segala komitmen dan perhatian beliau memberikan dorongan untuk menyempurnakan tesis ini amat dihargai. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang turut membantu memberi sokongan untuk menyiapkan kerja-kerja ini. Tanpa sokongan mereka mungkin saya tidak dapat menyiapkan kerja-kerja seperti ini. Hal ini kerana kerja-kerja untuk menyiapkan kerja kursus ini memerlukan motivasi, usaha, buah fikiran dan wang ringgit. Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung menyiapkan laporan ini. Hanya Allah sahaja dapat membalas budi kalian. Semoga rahmat dan kasih sayang Allah SWT sentiasa memayungi ukhuwah dan perjalanan hidup kita semua sehingga akhir hayat kita nanti.

## SENARAI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b> .....	<b>ii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b> .....	<b>iii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b> .....	<b>viii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	<b>x</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b> .....	<b>xiii</b>
<b>PANDUAN TRANSLITERASI</b> .....	<b>xiv</b>
<b>TRANSLITERASI</b> .....	<b>xv</b>
<b>ABSTRAK</b> .....	<b>xvi</b>
<b>ABSTRACT</b> .....	<b>xviii</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b> .....	<b>1</b>
1.1 Pendahuluan .....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	1
1.3 Pernyataan Masalah.....	15
1.4 Objektif Kajian .....	16
1.5 Persoalan Kajian.....	17
1.6 Definisi Operasional.....	18
1.6.1 Hala Tuju Politik .....	19
1.6.2 Melayu-Islam .....	20
1.6.3 Hala Tuju Politik Melayu-Islam.....	22
1.7 Skop Dan Batasan Kajian.....	22
1.8 Kepentingan Kajian.....	24
1.9 Sumbangan Kajian .....	25
1.10 Organisasi Kajian .....	26
<b>BAB 2 KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA</b> .....	<b>28</b>
2.1 Pendahuluan .....	28

2.2	Kajian Lepas.....	28
2.2.1	Kajian Berkaitan Hala Tuju Tokoh Politik.....	28
2.2.2	Kajian Berkaitan Politik Melayu-Islam.....	35
2.2.3	Kajian Berkaitan Tun Dr. Mahathir Mohamad.....	38
2.3	Analisis Kajian Lepas.....	43
2.4	Sorotan Karya.....	44
2.4.1	Hala Tuju Tokoh Politik di Malaysia, Indonesia dan Brunei .....	44
2.4.1(a)	Prinsip Tokoh Politik.....	45
2.4.1(b)	Langkah-Langkah Politik.....	46
2.4.1(c)	Pemikiran Politik.....	47
2.4.1(d)	Ideologi Politik.....	48
2.4.2	Pendekatan Melayu-Islam di Malaysia .....	49
2.4.2(a)	Islam Hadhari .....	50
2.4.2(b)	Wasatiyyah .....	50
2.4.2(c)	Pendekatan <i>Rahmatan Lil' Alamin</i> .....	51
2.5	Kerangka Konseptual Kajian .....	51
2.6	Kesimpulan.....	52
	<b>BAB 3 METODOLOGI.....</b>	<b>53</b>
3.1	Pendahuluan .....	53
3.2	Reka Bentuk Kajian .....	53
3.3	Kaedah Pengumpulan Data .....	55
3.3.1	Kaedah Pengumpulan Data Primer .....	56
3.3.1(a)	Kaedah Temu Bual .....	56
3.3.1(b)	Justifikasi Pemilihan Informan Kajian.....	57
3.3.2	Kaedah Pengumpulan Data Sekunder .....	62
3.4	Ketepuan Data .....	62
3.5	Kaedah Penganalisisan Data .....	63

3.5.1	Kaedah Penganalisisan Data Primer .....	63
3.5.2	Kaedah Penganalisisan Data Sekunder .....	64
3.6	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Data .....	65
3.6.1	Triangulasi.....	66
3.7	Kesimpulan.....	67
<b>BAB 4 DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN .....</b>		<b>68</b>
4.1	Pengenalan .....	68
4.2	Pendirian Dan Matlamat Politik Tun Dr. Mahathir Mohamad.....	68
4.2.1	Pendirian Politik.....	70
4.2.2	Penyesuaian Pendirian Politik Dengan Pelaksanaan Gerak Kerja Politik .....	75
4.2.3	Punca Penubuhan Parti Baharu Melayu-Islam.....	80
4.2.4	Matlamat Politik.....	83
4.2.5	Punca Kegigihan Sebagai Orang Utama Dalam Parti Baharu .....	86
4.3	Pendekatan Melayu-Islam Dalam Hala Tuju Politik Yang Dibawa Oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad .....	90
4.3.1	Pendekatan Utama Sebagai Asas Hala Tuju Politik.....	91
4.3.2	Tun Dr. Mahathir Mohamad Berkaitan Pejuang Melayu-Islam.....	97
4.3.3	Cara Merealisasikan Hala Tuju Dalam Membina Politik Melayu-Islam .....	100
4.3.4	Tahap Sokongan Orang Melayu-Islam Terhadap Hala Tuju Politik Tun Dr. Mahathir Mohamad .....	104
4.4	Petunjuk Yang Sesuai Berkenaan Hala Tuju Politik Tun Dr. Mahathir Mohamad Mengenai Melayu-Islam .....	108
4.4.1	Perjuangan Hala Tuju Dalam Kerangka Politik Melayu-Islam....	109
4.4.2	Pendekatan Melayu-Islam Sebagai Sebuah Hala Tuju Politik.....	111
4.4.3	Hala Tuju Politik Yang Terkini Disesuaikan Dengan Perjuangan Melayu-Islam .....	116
4.5	Hala Tuju Politik Yang Membentuk Hala Tuju Politik Melayu-Islam.....	119
4.5.1	Hala Tuju Politik .....	120

4.5.2	Tunjang Hala Tuju Politik Yang Selaras Dengan Pendekatan Melayu-Islam .....	125
4.6	Rumusan.....	128
4.6.1	Dapatan Kajian Terhadap Pendirian dan Matlamat Politik Tun Dr. Mahathir Mohamad .....	128
4.6.2	Dapatan Kajian Terhadap Pendekatan Melayu-Islam Berdasarkan Hala Tuju Politik Tun Dr. Mahathir Mohamad .....	133
4.6.3	Dapatan Kajian Terhadap Petunjuk Yang Sesuai Berkenaan Hala Tuju Politik Tun Dr. Mahathir Mohamad Mengenai Melayu-Islam .....	136
4.6.4	Dapatan Kajian Terhadap Hala Tuju Politik Tun Dr. Mahathir Mohamad Yang Membentuk Hala Tuju Politik Melayu-Islamnya .....	138
4.7	Kesimpulan.....	140
<b>BAB 5 PENUTUP.....</b>		<b>142</b>
5.1	Pendahuluan .....	142
5.2	Hasil Penemuan Utama .....	142
5.3	Implikasi Kajian Dan Cadangan Dasar .....	147
5.3.1	Teoritikal .....	147
	5.3.1(a) Politik Melayu-Islam di Malaysia .....	147
	5.3.1(b) Kesedaran Rakyat .....	147
	5.3.1(c) Institusi Eksekutif di Malaysia.....	148
5.3.2	Empirikal.....	148
	5.3.2(a) Pihak Pucuk Pimpinan di Malaysia.....	149
	5.3.2(b) Dasar Pembangunan Negara .....	149
5.4	Cadangan Penambahbaikan Masa Hadapan.....	149
5.4.1	Objek Kajian .....	150
5.4.2	Skop Kajian .....	150
5.4.3	Metodologi .....	150
5.5	Kesimpulan .....	151

**RUJUKAN ..... 152**

**LAMPIRAN**

## SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>
Rajah 2.1	Kerangka Konseptual Kajian .....52
Rajah 4.1	Analisis Pendirian Politik.....72
Rajah 4.2	Analisis Penyesuaian Pendirian Politik Dengan Pelaksanaan Gerak Kerja Politik .....77
Rajah 4.3	Analisis Punca Penubuhan Parti Baharu Melayu-Islam .....81
Rajah 4.4	Analisis Matlamat Politik.....85
Rajah 4.5	Analisis Punca Kegigihan Sebagai Orang Utama Dalam Parti Baharu .....88
Rajah 4.6	Analisis Pendekatan Utama Sebagai Asas Hala Tuju Politik.....93
Rajah 4.7	Analisis Tun Dr. Mahathir Mohamad Sebagai Pejuang Melayu- Islam.....98
Rajah 4.8	Analisis Cara Merealisasikan Hala Tuju Dalam Membina Politik Melayu-Islam .....102
Rajah 4.9	Analisis Tahap Sokongan Orang Melayu-Islam Terhadap Hala Tuju Politik Tun Dr. Mahathir Mohamad.....106
Rajah 4.10	Analisis Perjuangan Hala Tuju Dalam Kerangka Politik Melayu- Islam.....110
Rajah 4.11	Analisis Terhadap Pendekatan Melayu-Islam Sebagai Sebuah Hala Tuju Politik.....113
Rajah 4.12	Analisis Hala Tuju Politik Yang Terkini Disesuaikan Dengan Perjuangan Melayu-Islam .....118
Rajah 4.13	Analisis Hala Tuju Politik .....122
Rajah 4.14	Analisis Tunjang Hala Tuju Politik Yang Selaras Dengan Pendekatan Melayu-Islam.....127
Rajah 4.15	Pendirian politik Tun Dr. Mahathir Mohamad.....132

Rajah 4.16	Matlamat Politik Tun Dr. Mahathir Mohamad.....	133
Rajah 4.17	Pendekatan Melayu-Islam Berdasarkan Hala Tuju Politik Tun Dr. Mahathir Mohamad.....	136
Rajah 4.18	Petunjuk Yang Sesuai Berkenaan Hala Tuju Politik Tun Dr. Mahathir Mohamad Mengenai Melayu-Islam .....	138
Rajah 4.19	Hala Tuju Politik Tun Dr. Mahathir Mohamad Yang Membentuk Hala Tuju Politik Melayu-Islamnya.....	140

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 1.1	Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian.....17
Jadual 2.1	Ringkasan Kajian Lepas Terhadap Hala Tuju Tokoh Politik .....33
Jadual 2.2	Ringkasan Kajian Lepas Terhadap Politik Melayu-Islam.....38
Jadual 2.3	Ringkasan Kajian Lepas Terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad.....42
Jadual 3.1	Hubungan Antara Informan Dengan Justifikasi Pemilihan.....59
Jadual 3.2	Hubungan Antara Objektif Kajian, Persoalan Kajian dan Kaedah Kajian .....64
Jadual 4.1	Senarai Kategori, Tema dan Sub Tema Pendirian Politik Tun Dr. Mahathir Mohamad.....69
Jadual 4.2	Pengekodaan dan Potongan Ayat Informan Terhadap Pendirian Politik .....70
Jadual 4.3	Pengekodaan dan Potongan Ayat Informan Terhadap Gerak Kerja Politik .....75
Jadual 4.4	Pengekodaan dan Potongan Ayat Informan Terhadap Punca Penubuhan Parti Baharu Melayu-Islam .....80
Jadual 4.5	Pengekodaan dan Potongan Ayat Informan Terhadap Matlamat Politik .....83
Jadual 4.6	Pengekodaan dan Potongan Ayat Informan Terhadap Punca Kegigihan Sebagai Orang Utama Dalam Parti Baharu .....87
Jadual 4.7	Senarai Kategori, Tema dan Sub Tema Pendekatan Melayu-Islam Berdasarkan Hala Tuju Politik Tun Dr. Mahathir Mohamad.....91
Jadual 4.8	Pengekodaan dan Potongan Ayat Informan Terhadap Pendekatan Utama Sebagai Asas Hala Tuju Politik .....92
Jadual 4.9	Pengekodaan dan Potongan Ayat Informan Terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad Berkaitan Pejuang Melayu-Islam .....97

Jadual 4.10	Pengekodaan dan Potongan Ayat Informan Terhadap Cara Merealisasikan Hala Tuju Dalam Membina Politik Melayu-Islam .	101
Jadual 4.11	Pengekodaan dan Potongan Ayat Informan Terhadap Tahap Sokongan Orang Melayu-Islam Kepada Hala Tuju Politik Tun Dr. Mahathir Mohamad.....	105
Jadual 4.12	Senarai Kategori, Tema dan Sub Tema Petunjuk Yang Sesuai Berkenaan Hala Tuju Politik Tun Dr. Mahathir Mohamad Mengenai Melayu-Islam .....	108
Jadual 4.13	Pengekodaan dan Potongan Ayat Informan Terhadap Perjuangan Hala Tuju Dalam Kerangka Politik Melayu-Islam.....	109
Jadual 4.14	Pengekodaan dan Potongan Ayat Informan Terhadap Pendekatan Melayu-Islam Sebagai Sebuah Hala Tuju Politik .....	112
Jadual 4.15	Pengekodaan dan Potongan Ayat Informan Terhadap Hala Tuju Politik Yang Terkini Disesuaikan Dengan Perjuangan Melayu-Islam.....	116
Jadual 4.16	Senarai Kategori, Tema dan Sub Tema Hala Tuju Politik Tun Dr. Mahathir Mohamad Yang Membentuk Hala Tuju Politik Melayu-Islamnya .....	120
Jadual 4.17	Pengekodaan dan Potongan Ayat Informan Terhadap Hala Tuju Politik.....	121
Jadual 4.18	Pengekodaan dan Potongan Ayat Informan Terhadap Tunjang Hala Tuju Politik Yang Selaras Dengan Pendekatan Melayu-Islam.....	126
Jadual 4.19	Taburan Pola Kategori Pendirian dan Matlamat Politik Tun Dr. Mahathir Mohamad.....	129
Jadual 4.20	Taburan Pola Kategori Pendekatan Melayu-Islam Berdasarkan Hala Tuju Politik Tun Dr. Mahathir Mohamad .....	133
Jadual 4.21	Taburan Pola Kategori Petunjuk Yang Sesuai Berkenaan Hala Tuju Politik Tun Dr. Mahathir Mohamad Mengenai Melayu-Islam.....	136
Jadual 4.22	Taburan Pola Kategori Hala Tuju Politik Tun Dr. Mahathir Mohamad Yang Membentuk Hala Tuju Politik Melayu-Islamnya ..	139

Jadual 5.5	Ringkasan Hasil Penemuan.....	144
------------	-------------------------------	-----

## **SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran A Borang Soalan Temu Bual

Lampiran B Transkrip Temu Bual Bersama Informan

## PANDUAN TRANSLITERASI

HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB
ṭ	ط	-	ا
ẓ	ظ	b	ب
‘	ع	t	ت
gh	غ	th	ث
f	ف	j	ج
q	ق	h	ح
k	ك	kh	خ
l	ل	d	د
m	م	dh	ذ
n	ن	r	ر
w	و	z	ز
h	ه	s	س
’	ع	sy	ش
y	ي	ṣ	ص
ṭ	ة	ḍ	ض

PENDEK		PANJANG		DIFTONG	
a	َ	a	آ	ay	أَيّ
i	ِ	i	إِي	aw	أَوّ
u	ُ	u	أُوّ		

Sumber: *Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Rumi*, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (1992)

## TRANSLITERASI

PERKATAAN RUMI	PERKATAAN ARAB	MAKSUD
<i>al-Islam huwa al-Hall</i>	الاسلام هو الحل	Islam Sebagai Solusi
<i>al-Siyasah Nubuwwah</i>	السياسة نبوة	Politik Kenabian
<i>Ubudiyyah</i>	اوبودييه	Pengabdian Diri Kepada Allah SWT
<i>Mas'uliyah</i>	مس'ولييه	Berintegriti
<i>Itqan</i>	اتقان	Tekun
<i>Rahmatan Lil 'Alamin</i>	رحمة ان ليل عالمين	Rahmat Untuk Semua
<i>Islam Hadhari</i>	اسلام حضاري	Islam Yang Bertamadun
<i>Wasatiyyah</i>	واستييه	Seimbang
<i>Maqasid</i>	مقاسيد	Tujuan
<i>Minhaj</i>	مينهاج	Jalan Yang Jelas
<i>Ukhuwah Islamiah</i>	اخاوه اسلاميه	Persaudaraan Antara Sesama Muslim
<i>Tahaluf Siyasi</i>	تاهلوف سياسي	Perjanjian Persefahaman Politik
<i>Musyawah</i>	مشاوره	Rundingan
<i>Ijma'</i>	اجم'	Kesepakatan
<i>Amar Ma'ruf Nahi Mungkar</i>	امر م'روف نهى موغكر	Mengajak Kepada Kebaikan dan Mencegah Kemungkaran
<i>Ahli Sunnah Wal Jama'ah</i>	أهل السنة والجماعة	Golongan Yang Memahami dan Berpegang Kepada Al-Qur'an Dan Sunnah Nabi SAW
<i>Ummah</i>	امة	Umat
<i>Syari'ah</i>	شريءه	Undang-Undang Agama Islam
<i>Khilafah</i>	خلافه	Pimpinan
<i>al-Mudharabah</i>	المودحراه	Perkongsian Untung
<i>al-Islah</i>	الاسله	Membaik-Pulih Suatu Keadaan

## HALA TUJU POLITIK MELAYU-ISLAM

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

### ABSTRAK

Tun Dr. Mahathir Mohamad ialah seorang tokoh politik yang berpengaruh di dunia. Beliau pernah menjawat jawatan Perdana Menteri Malaysia sebanyak dua kali dalam tempoh paling lama iaitu selama 22 tahun. Beliau juga antara salah seorang tokoh Asia yang disenaraikan dalam *The World's 500 Most Influential Muslims*. Percaturan dan pemikiran politik Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak dapat diduga dan dibaca oleh musuh politiknya. “Maha firaun”, “kuku besi” dan “diktator” adalah gelaran yang pernah diberikan ke atas beliau rentetan beliau pernah mencetuskan kontroversi meminda Perlembagaan Persekutuan 1993 yang menyebabkan Raja-Raja Melayu hilang sebahagian kuasa. Tindakan ini seakan-akan beliau bersikap negatif terhadap semangat Melayu. Walaubagaimana pun, beliau juga pernah bertindak menentang keputusan yang dibuat oleh Tunku Abdul Rahman yang dianggap mengetepikan hak orang Melayu dan terlalu bergantung harap pada kaum Cina sehingga menyebabkan beliau kalah kerusi parlimen Kota Setar. Istilah “ultra Melayu” sering dikaitkan dengan Tun Dr. Mahathir, merujuk kepada pendiriannya yang tegas dalam memperjuangkan hak dan kepentingan orang Melayu. Namun, perjuangan ini menjadi perdebatan apabila beliau dilihat bekerjasama dengan pimpinan utama *Democratic Action Party* (DAP) semasa Pilihan Raya Umum ke-14 yang menimbulkan persoalan mengenai hala tuju politik beliau. Berdasarkan faktor-faktor ini, kajian ini bertujuan untuk meneliti hala tuju politik Tun Dr. Mahathir Mohamad, menganalisis dasar perjuangannya yang berteraskan Melayu-Islam serta merumuskan pendekatan beliau dalam memperjuangkan agenda tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif asas,

dengan data diperoleh melalui temu bual dan analisis dokumen seterusnya dianalisis menggunakan kaedah ATLAS.ti versi 9. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hala tuju politik Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah berteraskan Melayu-Islam. Walaupun ada yang berpendapat bahawa kehadiran beliau tidak lagi relevan dalam politik masa kini, beliau telah melaksanakan dan masih berada dalam landasan memperjuangkan agama Islam, bangsa Melayu, dan negara Malaysia sepanjang karier politiknya. Prinsip, matlamat dan dasar perjuangan politik seseorang pemimpin menjadi kayu ukur dalam menilai impak kepimpinannya. Maka, hala tuju politik yang secara konsisten diperjuangkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad wajar dijadikan contoh khususnya dalam kalangan penggiat politik pelapis.

# **THE DIRECTION OF MALAY-ISLAM POLITICS**

**TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD**

## **ABSTRACT**

Tun Dr. Mahathir Mohamad is a prominent figure in global politics. He served as the Prime Minister of Malaysia twice, with the longest tenure totaling 22 years. Recognised as one of The World's 500 Most Influential Muslims, his political thoughts and strategies have often been unpredictable, making him a formidable figure in Malaysian politics. Throughout his career, he has been associated with various controversies, including the 1993 amendment to the Federal Constitution, which curtailed the powers of the Malay Rulers and consequently drew criticism, as it was perceived to undermine Malay nationalism. Despite this, he also opposed certain decisions by Tunku Abdul Rahman, particularly those perceived as marginalising Malay rights in favour of Chinese political support and led to his electoral defeat in Kota Setar. Often labelled as an "ultra Malay" due to his strong advocacy for Malay rights and Islamic values, Tun Dr. Mahathir Mohamad's political journey took an unexpected turn when he aligned with the Democratic Action Party (DAP) during Malaysia's 14th General Election, raising questions about the consistency of his political direction. This study aims to examine the political orientation of Tun Dr. Mahathir Mohamad, analyse the foundations of his Malay-Islamic agenda and explore the approaches he adopted to advance this cause. Using a basic qualitative research design, data were collected through interviews and document analysis and subsequently analysed using ATLAS.ti version 9 software. The findings reveal that his political direction remains firmly rooted in the defence and promotion of Islam, the Malay identity and national interests. While debates persist regarding his relevance in

contemporary politics, his longstanding commitment to these core principles underscores a consistent ideological stance. As such, his political trajectory serves as a valuable reference point for future political leaders, especially among the younger generation.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Kajian ini meneliti hala tuju politik yang dipegang oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad sepanjang perjalanan karier beliau dalam bidang politik khususnya berkaitan pendekatan Melayu-Islam. Perkembangan politik Tun Dr. Mahathir Mohamad berdepan dengan pelbagai situasi politik sehingga terkini pada tahun 2022 membuatkan beliau menubuhkan parti baharu yang dinamakan sebagai parti PEJUANG. Oleh sebab itu, hala tuju politik beliau sukar dibaca kerana beliau pernah berjuang dalam pelbagai pakatan politik sama ada di pihak kerajaan mahupun pembangkang.

Sebagai bab permulaan, bab ini membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, sumbangan kajian dan organisasi kajian bagi memberi gambaran awal berkaitan kajian ini.

### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan salah seorang tokoh paling berpengaruh dalam sejarah politik Malaysia. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah dilahirkan di Alor Setar pada tanggal 20 Disember 1925. Kini, usianya sudah menjangkau 100 tahun. Menurut Rachmanmat (1976), beliau menerima pendidikan awal di sekolah Melayu Seberang Perak, Alor Setar dan seterusnya ke Maktab Sultan Abdul Hamid, Alor Setar. Tidak terhenti disitu, Tun Dr. Mahathir Mohamad melanjutkan pelajaran beliau dalam bidang perubatan di Universiti Malaya, Singapura

pada tahun 1947 dan dianugerahkan Ijazah M.B.B.S (*Bachelor of Medicine & Bachelor of Surgery*) pada tahun 1953.

Dalam waktu itu juga, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengikuti kursus penulisan kewartawanan secara sambilan dan mula bergiat aktif dalam penulisan yang menggunakan C.H.E Det sebagai nama pena (Wan Helmy, 2012). Hasil penulisan beliau mula tersiar di dada akhbar seperti *Straits Times* dan *Sunday Times*. “*Malay Women Make Their Own Freedom*” merupakan rencana sulung yang telah diterbitkan dalam *Straits Times* pada tahun 1947. Setelah setahun dianugerahkan ijazah, beliau berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan di beberapa kawasan termasuklah Alor Setar, Langkawi dan Perlis (Rachmanmat, 1976).

Tun Dr. Mahathir Mohamad telah memilih Tun Dr. Siti Hasmah sebagai pasangan hidup dan berkahwin pada tahun 1956. Hasil perkahwinan tersebut, mereka telah dikurniakan empat cahaya mata dan tiga anak angkat (Wan Helmy, 2012). Pada tahun 1957, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah membuka Klinik Maha (hasil cantuman nama antara Mahathir dan Hasmah) yang merupakan klinik swasta orang Melayu pertama di negara (Yayasan Kepimpinan Perdana, t.t.). Klinik Maha mula beroperasi di Alor Setar setelah beliau melepaskan jawatan dalam perkhidmatan awam sebagai pegawai perubatan (Rachmanmat, 1976).

Pertemuan Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan pesakitnya yang terdiri daripada golongan marhaen dan diatas pengalamannya melakukan prosedur pembedahan dalam keadaan serba kekurangan, menguatkan lagi keazamannya untuk mengubah nasib orang Melayu melalui politik sebagai salah seorang individu di barisan kepimpinan, pembuat keputusan dan dasar (Wan Helmy, 2012).

Yayasan Kepimpinan Perdana (t.t.) menjelaskan bahawa pada bulan Mei 1946, UMNO telah pun ditubuhkan bagi mendesak kerajaan British untuk menghapuskan *Malayan Union*. Tun Dr. Mahathir Mohamad antara orang Melayu pertama yang mendaftar sebagai ahli UMNO ketika itu. Siri menentang *Malayan Union* telah berjaya dihapuskan pada tahun 1948 dan digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu yang memberi keistimewaan hak-hak orang Melayu.

Keterlibatan Tun Dr. Mahathir Mohamad di pentas politik tanah air bermula pada era 1964. Beliau telah menandingi dan memenangi kerusi parlimen Kota Setar dalam Pilihan Raya Umum 1964, sekaligus terpilih sebagai Majlis Tertinggi UMNO pada tahun 1965. Tiga tahun kemudian, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah ditewaskan oleh wakil PAS dalam Pilihan Raya Umum 1969. Dalam pilihan raya tersebut, DAP dari pihak pembangkang telah berjaya menguasai kerusi yang paling banyak semenjak Merdeka. Rentetan daripada itu, pihak pembangkang mengadakan perarakan di Kuala Lumpur bagi meraikan kemenangan sehinggakan tercetusnya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 yang meragut hampir 200 nyawa melibatkan orang Melayu dan orang Cina (Yayasan Kepimpinan Perdana, t.t.).

Tun Dr. Mahathir Mohamad mengutuskan satu surat kepada Tunku dan mengkritik sekeras-kerasnya pendekatan ekonomi yang terlihat lembut atau "*laissez-faire*". Hal ini dianggap mengetepikan hak-hak orang Melayu dan melebihkan kaum Cina daripada menikmati hasil pembangunan negara. Ini menyebabkan Tun Dr. Mahathir Mohamad telah dipecat keahliannya oleh UMNO. Namun, beliau tetap memikirkan nasib orang Melayu dan membukukan pemikirannya itu dalam "Dilema Melayu". "Dilema Melayu" telah diterbitkan di Singapura tetapi dilarang masuk oleh kerajaan Tanah Melayu ketika itu (Yayasan Kepimpinan Perdana, t.t.).

Yayasan Kepimpinan Perdana (t.t.) turut menyatakan bahawa pada tahun 1972, permohonan kemasukan semula ke dalam UMNO telah diluluskan dan dilantik sebagai Senator oleh Tun Abdul Razak Hussein. Pada tahun berikutnya, Tun Dr. Mahathir Mohamad berjaya menguasai kerusi Kubang Pasu tanpa bertanding. Sejurus daripada itu, beliau dilantik sebagai Menteri Pendidikan Malaysia dan Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1976. Setelah itu, beliau mengambil alih jawatan Menteri Perdagangan dan Industri yang bertindak sebagai pemimpin utama dalam beberapa misi mempromosikan pelaburan. Selepas perletakan jawatan Perdana Menteri Ketiga oleh Tun Hussein Onn atas faktor kesihatan, Tun Dr. Mahathir Mohamad dilantik menjadi Presiden UMNO sekaligus mengangkat beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia Keempat.

Manzaidi (2018) melaporkan bahawa sejarah dan peristiwa penting dalam UMNO dapat disaksikan ketika pemilihan jawatan nombor satu Presiden pada tahun 1987. Ketika itu, kerusi Presiden yang disandang oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad telahpun dicabar oleh Tengku Razaleigh Hamzah (Ku Li). Pemilihan Presiden UMNO itu menjadi titik tolak kepada keretakan UMNO setelah Ku Li kalah tipis. Ini menyebabkan terbentuknya dua kumpulan iaitu UMNO yang dipimpin Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang dikemudikan oleh Ku Li dengan membawa roh perjuangan lama UMNO.

Menurut UMNO Online (t.t.), Tun Dr. Mahathir Mohamad mencatat sejarah apabila UMNO dibawah pentadbirannya mengekalkan tampuk pimpinan negara menerusi Kerajaan Barisan Nasional setelah memenangi kesemua Pilihan Raya Umum yang diadakan pada 1982, 1986, 1990, 1995 dan 1999.

Tun Dr. Mahathir Mohamad menggemparkan arena politik negara apabila beliau mengumumkan perletakan jawatan Perdana Menteri dan kesemua jawatan dalam parti UMNO pada tahun 2002. Namunpun begitu, beliau telah menarik balik perletakan jawatan itu (*BERNAMA*, Jun 22, 2002). Menurut Zulkiflee (2002), Tun Dr. Mahathir Mohamad meneruskan niat untuk bersara dan jawatannya digantikan dengan Tun Abdullah Ahmad Badawi (Pak Lah). Peralihan kuasa itu telah disokong oleh kesemua Naib Presiden UMNO untuk menerajui pucuk pimpinan kerajaan dan dalam parti selepas Oktober 2003. Ini kerana pelan peralihan kuasa tersebut adalah satu keputusan yang tepat dalam memastikan negara terus maju dan berdaya saing dibawah pentadbiran Pak Lah (Zulkiflee, 2002).

Ariffuddin (2009) menjelaskan bahawa Pak Lah memaklumkan hasratnya untuk melepaskan kerusi pimpinan utama negara dihadapan Yang di-Pertuan Agong (YDPA), Tuanku Mizan Zainal Abidin pada 2 April 2009 dan sekiranya peletakan jawatannya diberi perkenan, nama Datuk Seri Najib Razak diangkat untuk dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia Keenam sekaligus dinamakan sebagai Presiden UMNO yang baru.

Tun Dr. Mahathir Mohamad sekali lagi mengumumkan untuk keluar daripada UMNO menerusi surat rasmi yang telah dihantar kepada Setiausaha Agung UMNO ketika itu, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor (Suhaila, 2016). Menurut Iwan dan Aswad (2016) tindakan itu diambil setelah berasa kecewa dengan tindak tanduk yang dilakukan oleh Datuk Seri Najib dan beliau mendakwa bahawa UMNO kian bermasalah terutama melibatkan kes penggantungan Tan Sri Muhyiddin Yassin yang ketika itu menyandang kerusi Timbalan Presiden. Tun Dr. Mahathir Mohamad juga menyifatkan bahawa parti itu merupakan parti “Najib” yang ingin melindungi Presiden

parti dan pada masa yang sama mengekalkan Najib sebagai Perdana Menteri.

Menurut Nawar (2016), Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tan Sri Muhyiddin Yassin dan beberapa pimpinan penaja yang lain telah menyerahkan borang permohonan pendaftaran parti kepada Jabatan Pendaftaran Negara bagi menubuhkan parti orang Melayu baru iaitu Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) yang berpaksikan kepada perubahan. Parti naungan mantan Perdana Menteri itu telah mengadakan kerjasama dengan pihak pembangkang bagi menghadapi Pilihan Raya Umum ke-14. Tun Dr. Mahathir Mohamad secara rasminya telah dinamakan sebagai pengerusi gabungan parti pembangkang manakala Datuk Seri Anwar Ibrahim dinamakan sebagai Ketua Umum Pakatan Harapan dan Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail turut dinamakan sebagai Presiden kepada pakatan itu (*Malaysia Kini*, Julai 14, 2017).

Tun Dr. Mahathir sah bertanding dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 di P004 Parlimen Langkawi. Dalam saingan tiga penjuru, Pengerusi BERSATU itu telah bertanding diatas tiket PKR kali ini berhadapan dengan penyandang kerusi daripada Barisan Nasional (BN), Datuk Ir. Nawawi dan calon daripada PAS, Zubir Ahmad. Pada usia 93 tahun ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad direkodkan calon tertua yang telah bertanding dalam Pilihan Raya tersebut (Adie & Hamzah, 2018).

Pakatan Harapan telah memenangi 113 daripada 222 kerusi yang telah dipertandingkan pada Pilihan Raya Umum Ke-14 ini termasuk kerusi Parlimen Langkawi yang berjaya menewaskan Datuk Ir. Nawawi. Jumlah tersebut berjaya membentuk Kerajaan Persekutuan yang baru dan Tun Dr. Mahathir Mohamad mencatat namanya dalam sejarah negara apabila dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia buat kali kedua setelah menjawat jawatan tersebut buat pertama kalinya pada

16 Julai 1981 untuk tempoh 22 tahun (Hazwan, 2018).

Beliau digambarkan sebagai insan luar biasa apabila memenangi Pilihan Raya Umum ke-14 sekaligus menjadikan beliau Perdana Menteri Malaysia buat kali kedua setelah membuat kemunculan semula dalam arena politik Malaysia. Walaupun dengan penampilan yang sederhana dan mudah untuk didekati, beliau amat lantang dan tegas sekali dalam menyuarakan desakan berkaitan agama Islam. Hal ini dapat dibuktikan apabila beliau mengkritik kerajaan pusat Myanmar ekoran daripada pembunuhan etnik Rohingya di Rakhine secara besar-besaran.

Nazialita dan Wafa (2018) turut menjelaskan bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mengumumkan kadar sifar *Government Service Tax* (GST). Pelaksanaan sifar GST membolehkan rakyat terutamanya golongan berpendapatan sederhana menikmati kehidupan yang lebih baik. Hal ini boleh dilihat selepas pemansuhan GST apabila harga barangan keperluan lebih murah. Malahan, mampu memberi keuntungan kepada peniaga dan pembeli kerana menjual dan membeli barang dengan kadar lebih murah.

Sementara itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad berjaya menyelamatkan kembali Tabung Haji (TH) yang dibelenggu masalah kewangan. TH merupakan peneraju ke arah pemerkasaan ekonomi umat Islam dan mengimarahkan syiar Islam menerusi Rukun Islam kelima dengan pengurusan haji yang berkesan dan cemerlang. Tun Dr. Mahathir Mohamad dan pasukan mengambil pendekatan untuk menstrukturkan semula TH dengan memindahkan empat rangkaian hotel. Hal ini berikutan kerana terdapat beberapa aset yang dimiliki oleh TH tidak memberi sebarang pulangan bahkan terpaksa menanggung kerugian. Tun Dr. Mahathir Mohamad memberi jaminan kepada pendeposit TH bahawa wang deposit mereka akan diuruskan dengan lebih baik

di bawah pentadbiran beliau sebagai Perdana Menteri (Nurul Huda, 2020).

Tun Dr. Mahathir Mohamad memandang serius gejala rasuah dan salah guna kuasa yang berlaku di Malaysia. Hal ini tercetus apabila Tun Dr. Mahathir Mohamad bertindak memperkasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam usaha memerangi jenayah rasuah. Sebagai langkah awal pelaksanaan memerangi rasuah, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mengarahkan kesemua barisan menteri dan wakil rakyat untuk mengisytiharkan harta mereka dalam usaha membersihkan Malaysia sebagai negara kleptokrasi. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah melaksanakan beberapa inisiatif dalam memerangi jenayah ini termasuk mewujudkan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR), Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (*The Global Infrastructure Anti-Corruption Centre*) (GIACC). Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed, bertindak sebagai penyelaras dan memantau aktiviti berkaitan tadbir urus, integriti dan anti-rasuah di negara (*Malaysia Kini*, April 1, 2019).

Komitmen Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam meletakkan agenda pencegahan rasuah telah menunjukkan reaksi positif dan beberapa siri penangkapan, siasatan dan dakwaan telah dibuat. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan di bawah pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad berusaha gigih dalam membanteras jenayah rasuah. Keseriusan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam menangani rasuah apabila tiada perlantikan dibuat ke atas Ahli Parlimen sebagai Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah dalam mana-mana Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Companies*) (GLC). Tambahan pula, tiada lagi perolehan rundingan terus di bawah Jabatan Kerja Raya (JKR) dan kini tender secara terbuka dilaksanakan bagi sebarang projek pembangunan (*BERNAMA*, Julai 18, 2019).

Dalam memastikan agama Islam dipelihara di Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menubuhkan unit anti Islam di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Unit ini ditubuhkan bagi memantau perilaku pihak tidak bertanggungjawab membabitkan kesemua saluran media dan media sosial ekoran kes menghina Nabi Muhammad SAW dan mempersendakan agama Islam semakin meningkat (Siti A'isyah, 2019). Selain itu, kelantangan beliau dalam memberi hujahan berkaitan umat Islam di pentas dunia amat mengejutkan apabila beliau mencadangkan dunia mengiktirafkan Palestin sebagai sebuah negara dan mengutuk tindakan Israel yang mencabuli hak asasi umat Islam di Palestin dan undang-undang antarabangsa (*Sinar Harian*, Mei 12, 2019).

Jawatan Pengerusi Pertubuhan Kerjasama Islam (*Organisation of Islamic Cooperation*) (OIC) yang pernah disandang oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad itu menjadikan beliau amat disegani menerusi prinsip dalam mempertahankan umat Islam di dunia. Mendirikan sebuah negara Islam adalah satu kewajipan demi pelaksanaan hukum-hukum syariat Islam. Justeru, Gagasan "*Rahmatan Lil 'Alamin*" diperkenalkan dalam dasar pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan (PH). Konsep ini adalah kelanjutan daripada dasar Tun Abdullah Ahmad Badawi (Islam Hadhari) dan Dato' Sri Najib Razak (Wasatiyyah) ketika menjadi Perdana Menteri. Malah, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebelum ini pernah mempromosikan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam sistem pentadbirannya. "*Rahmatan Lil 'Alamin*" menjadi garis panduan melibatkan urus tadbir kerajaan dalam mengekalkan identiti Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Oleh kerana Malaysia adalah sebuah negara majmuk, gagasan ini amat baik sekiranya diamalkan dengan mengambil kira dari pelbagai sudut (Mohd Husni, 2019).

Tambahan pula, beliau antara individu yang banyak menyuntik dana sumbangan kepada Bosnia dan Herzegovina ketika krisis peperangan pada tahun 1990-an dan membangunkan semula negara tersebut (*Sinar Harian*, Mei 12, 2019). Lanjutan daripada itu, prinsip beliau dalam mempertahankan umat Islam juga dapat dilihat apabila beliau mengkritik tindakan Presiden Perancis berkaitan kontroversi karikatur Nabi Muhammad SAW yang tular, beliau berpendapat bahawa tindakan itu tidak wajar dan tidak masuk akal kerana kebebasan mempunyai batasnya (*Astro Awani*, Oktober 27, 2020).

Ketika perhimpunan Agung Khas Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Tun Dr. Mahathir Mohamad memberi peringatan kepada ahli akar umbi bahawa asas perjuangan parti tersebut adalah berlandaskan kepada ABATA (Agama, Bangsa dan Tanah Air), bukan untuk mengaut keuntungan diri sendiri. Tun Dr. Mahathir Mohamad juga tegas menyatakan bahawa pendirian parti tersebut bukanlah seperti UMNO. Perjuangan yang dibawa bukanlah laluan untuk menjadi kaya akan tetapi asas utamanya berlandaskan kepada ABATA (Idris, 2019). Agenda dalam memperkasa ABATA menjadi tunjang utama bagi corak pimpinan politik Melayu-Islam.

Konsep ini merupakan sebuah ideologi yang rentas parti kerana acuannya sedikit berbeza mengikut parti politik. Sekiranya konsep ini merupakan salah satu daripada maqasid politik yang harus diperjuangkan oleh orang Melayu-Islam. Maka, pemimpin harus mengambil minhaj atau pendekatan yang didukung dengan pengisian sekaligus menjadi panduan kepada Melayu-Islam dalam alaf baru. Pengisian konsep ini tidak boleh tertumpu kepada simbolisma semata-mata tetapi harus bergerak seiring dengan peredaran masa dan struktur politik yang diamalkan secara kontemporari.

Setahun kepimpinan beliau sebagai Perdana Menteri Ketujuh Malaysia telah mendapat pengiktirafan global setelah disenaraikan sebagai tokoh berpengaruh dunia melalui kewibawaan, idea dan pemikirannya.

Berdasarkan Pekeliling Pejabat Perdana Menteri (1983), Dasar Pandang ke Timur diperkenalkan pada tahun 1982 oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad. Dasar ini diinspirasikan melalui teladan dan contoh yang terbaik oleh negara Jepun dan Korea. Lanjutan daripada itu, pihak kerajaan telah membuat kajian, penelitian dan pemilihan lalu mengubahsuaikan mengikut keadaan di Malaysia. Tujuan dasar ini adalah untuk meningkatkan lagi prestasi pengurusan dan pembangunan negara. Beberapa strategi dan program telah diterapkan melalui Dasar Pandang ke Timur. Misalnya, Kad Perakam Waktu Kerja, Penggunaan Tanda Nama, Konsep Bersih, Cekap dan Amanah, Kepimpinan Melalui Teladan dan Latihan Perindustrian dan Teknikal.

Selain itu, Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah satu usaha untuk membantu ekonomi orang Melayu melalui kemunculan kelas menengah dan usahawan dari kalangan orang Melayu yang terlihat lebih berdaya saing disamping menambahkan keyakinan diri dalam kalangan mereka. Dalam konteks antarabangsa, pertumbuhan ekonomi Malaysia yang berkembang dengan cepat telah membolehkan Malaysia bergiat secara aktif dalam pembentukan hubungan antarabangsa khususnya melibatkan negara-negara yang sedang membangun. Hasil kejayaan ini telah memberi ruang dan peluang dalam membina jaringan antarabangsa dalam kalangan orang Melayu. Selaras dengan aspirasi untuk mewujudkan sebuah negara yang inklusif dan berdaya saing, takrif nasionalisme Melayu wajar diperluaskan agar menyokong pembentukan nasionalisme Malaysia yang lebih menyeluruh dan merangkumi kepelbagaian kaum dalam menjadikan Malaysia sebuah negara yang mampu bersaing

di peringkat antarabangsa pada abad ke -21 (Abdul Rahman, 2000).

Menurut Shamsul Amri (2012), Wawasan 2020 telah diperkenalkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad pada tahun 1991 yang merupakan salah satu visi yang terkenal dalam pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad. Visi ini adalah bertujuan menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Pembentukan sebuah “Bangsa Malaysia” merupakan salah satu cabaran utama dalam penyatuan masyarakat yang merangkumi kepelbagaian etnik dan budaya di Malaysia. Konsep ini merupakan kesinambungan dalam membina identiti nasional yang inklusif yang melibatkan rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang etnik atau agama yang dianuti. Pembentukan konsep “Bangsa Malaysia” merupakan satu faktor penting dalam mencapai visi Wawasan 2020. Ia memerlukan komitmen yang tinggi dan usaha sama dari semua pihak dalam memastikan Malaysia bukan sahaja maju dari sudut ekonomi bahkan kestabilan politik serta sosial.

Tun Dr. Mahathir Mohamad telah melancarkan Dasar Komuniti Negara, satu mekanisma untuk membina komuniti yang lebih cakna berkaitan isu-isu sosial dalam masyarakat serta membina kehidupan lebih sejahtera. Dasar ini memfokuskan kepada nilai, gaya hidup serta aspek sosial yang dipraktikkan dalam kehidupan harian komuniti bandar. Pendekatan ini adalah bertujuan untuk menyuntik nilai-nilai murni bagi mencapai kesejahteraan hidup bermasyarakat melalui peningkatan keupayaan insan. Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan pembangunan sosial adalah penting dalam mencapai aspirasi Malaysia sebagai sebuah negara maju selain keteguhan sistem pemerintahan dan pertumbuhan ekonomi. Dasar ini digubal sebagai usaha membina masyarakat yang berdaya tahan dan sejahtera (*Sinar Harian*, Februari 17, 2019).

Dasar Agro Makanan Negara 2021-2030 adalah satu usaha untuk memodenkan sektor agro makanan agar lebih kompetitif dalam era Revolusi Industri 4.0. Dasar ini memfokuskan kepada transformasi prasarana moden, penggunaan teknologi, pembangunan sumber manusia, pemeraksanaan pasaran serta pemodenan teknologi dalam sektor pertanian. Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan dasar ini merancang pembangunan sumber rezeki yang baru dalam memenuhi permintaan pasaran tempatan dan global. Selain itu, dasar ini penting dalam menjamin keselamatan makanan yang dimiliki negara serta meningkatkan efisiensi pengedaran dan akses bagi golongan tani. Meskipun sumbangan sektor pertanian kepada KDNK negara rendah, akan tetapi sektor ini memiliki potensi yang tinggi dan boleh diperkembangkan melalui platform seperti MAHA sebagai platform pembangunan secara menyeluruh (*Utusan Borneo Online*, November 23, 2018).

Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa Dasar Bersih, Cekap dan Amanah adalah asas utama dalam kehidupan harian individu yang memainkan peranan dalam menentukan kejayaan atau kegagalan seseorang, masyarakat dan negara. Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan bahawa “Bersih” merujuk kepada penolakan terhadap sebarang bentuk rasuah manakala “Cekap” merujuk kepada keupayaan seseorang itu dalam melaksanakan tugas yang diberikan dengan baik. “Amanah” pula dikaitkan dengan amalan dalam membina kepercayaan. Beliau menekankan bahawa Dasar Bersih, Cekap dan Amanah ini bukan hanya mampu untuk mengekang nafsu, malah membentuk individu agar lebih mendisiplinkan diri. Selain itu, dasar ini juga memberikan sumbangan yang signifikan kepada kelancaran dan ketertiban dalam pelaksanaan urusan yang melibatkan pentadbiran negara (Azura et al., 2018).

Mohd Johan (2015) menyatakan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam telah

diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1982. Dasar ini telah memberi kesan jangka panjang dalam pembangunan modal insan dan negara. Walaupun dasar ini tidak lagi dilaksanakan, namun ianya telah membawa perubahan mendasar dalam pelbagai sudut politik, ekonomi, pendidikan, etika pentadbiran dan budaya kerja kepada penjawat awam. Kebangkitan Islam di peringkat antarabangsa menjadi tunjang utama kepada pelaksanaan dasar ini. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah meletakkan Islam sebagai asas pentadbiran untuk mengemudi kerajaan. Pendekatan ini telah mengukuhkan ekonomi negara untuk menjadikan Malaysia sebagai hub ekonomi Islam serantau, memperkuat sosiopolitik berteraskan nilai Islam dan membangunkan masyarakat berdasarkan perspektif Islam. Selain itu, beliau turut menekankan umat Islam agar merujuk tokoh ilmuan Islam dalam bidang sains dan teknologi agar tidak terdicir dalam arus kemodenan global.

Ali (2009) turut menjelaskan Dasar Pensyarikatan Malaysia yang diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1983 adalah bertujuan bagi memperkasakan kerjasama antara sektor awam dan swasta dalam merencanakan pertumbuhan ekonomi dan sektor perindustrian negara. Dasar ini telah diinspirasi daripada kejayaan yang dicapai oleh negara-negara Asia seperti Korea Selatan, Jepun dan Taiwan. Dasar Pensyarikatan ini menggalakkan penglibatan para usahawan dalam projek perindustrian dalam usaha memperkasakan daya saing negara di pentas antarabangsa dan suasana yang lebih kondusif.

Dasar Penswastaan Malaysia dilancarkan pada bulan Mac 1983 oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai salah satu daripada strategi pengukuhan ekonomi negara. Pendekatan ini diambil bagi memindahkan pelaburan tertentu kerajaan dan kepentingan kepada sektor swasta berdasarkan keyakinan bahawa sektor swasta lebih

efisien, berdaya saing dan berupaya melaksanakan perkhidmatan yang lebih berkualiti. Penswastaaan telah memberikan impak positif terhadap ekonomi negara antaranya pengurangan bebanan yang ditanggung oleh kerajaan, peningkatan kutipan cukai dan naik taraf hidup rakyat melalui pelaksanaan projek serta penyediaan perkhidmatan yang lebih produktif (Ali, 2009).

Tun Dr. Mahathir Mohamad memiliki hala tuju yang unik kerana ada ketikanya pakar-pakar politik dan pihak lawan di Malaysia tidak dapat meramal langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad. Beliau sering mengubah taktik politiknya dalam mencapai matlamat yang ditetapkan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan adalah bagi mengenal pasti dan meneliti hala tuju politik yang dibawa oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad sejak kembali ke pentas politik tanah air.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan Perdana Menteri yang paling lama dilantik untuk berkhidmat. Sepanjang tempoh pemerintahannya, pelbagai dasar telah diperkenalkan oleh beliau yang memberi kesan kepada politik Melayu-Islam sebagai contoh Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pandang ke Timur, Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dan Dasar Bersih, Cekap dan Amanah. Oleh itu, dengan meneliti hala tuju politiknya membantu memahami bagaimana polisi-polisi ini membantu membentuk identiti politik Melayu-Islam.

Tun Dr. Mahathir Mohamad sering dilihat mengubah pendiriannya dalam politik termasuk peralihan parti dari UMNO ke BERSATU kemudian ke PEJUANG. Ini menimbulkan persoalan pendirian sama ada menjurus kepada kepentingan peribadi atau benar-benar perjuangan demi Melayu-Islam.

Menurut sejarah, Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan individu yang bertanggungjawab dalam mengurangkan imuniti dan kuasa yang melibatkan Raja-Raja Melayu pada era 1983 dan 1993. Kontroversi ini telah mencetuskan perdebatan sama ada tindakan yang dibuat oleh beliau sebenarnya melemahkan atau mengukuhkan institusi Melayu-Islam.

Sejarah juga telah membuktikan bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah mengkritik orang Melayu sebagai “malas” dan bersikap zalim terhadap orang Melayu sehinggakan digelar “maha firaun”. Beliau juga dilihat sebagai anti Raja-Raja Melayu akan tetapi dalam waktu yang sama Tun Dr. Mahathir Mohamad giat mempromosikan kepentingan ekonomi orang Melayu menerusi projek-projek mega seperti Proton, KLCC dan Cyberjaya. Kajian ini penting untuk menilai hala tuju Tun Dr. Mahathir Mohamad benar-benar ingin memajukan bangsa Melayu atau hanya sekadar strategi politik.

Mengkaji hala tuju politik Tun Dr. Mahathir Mohamad bukan hanya membantu dalam memahami sejarah dan konteks politik tanah air akan tetapi memberi gambaran jelas tentang hala tuju politik Melayu-Islam pada masa hadapan. Berdasarkan pernyataan masalah di atas, terdapat kekeliruan sama ada Tun Dr. Mahathir Mohamad benar-benar perjuangkan Melayu-Islam ataupun tidak. Justeru itu, kajian ini penting untuk meneliti hala tuju politik Tun Dr. Mahathir Mohamad khususnya terhadap politik Melayu-Islam di Malaysia.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Merujuk pernyataan masalah yang dikemukakan sebelum ini, kajian ini secara dasarnya dilakukan bagi meneliti hala tuju politik Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menumpukan pendekatan Melayu-Islam. Berdasarkan objektif umum tersebut, dapat

dikenal pasti tiga objektif khusus sebagaimana berikut:

1. Mengenal pasti hala tuju politik Tun Dr. Mahathir Mohamad.
2. Menganalisis hala tuju politik Tun Dr. Mahathir Mohamad berasaskan pendekatan Melayu-Islam.
3. Merumuskan hala tuju politik Melayu-Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad.

### 1.5 Persoalan Kajian

Bagi memenuhi objektif-objektif kajian yang telah ditetapkan di Bahagian 1.4 yang perlu dijawab. Persoalan-persoalan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Apakah pendirian dan matlamat politik Tun Dr. Mahathir Mohamad yang dapat dikenal pasti?
- ii. Bagaimanakah Tun Dr. Mahathir Mohamad mengaplikasikan pendekatan Melayu-Islam dalam hala tuju politik yang dibawanya?
- iii. Bagaimanakah petunjuk yang sesuai berkenaan hala tuju politik Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai Melayu-Islam?
- iv. Apakah hala tuju politik Tun Dr. Mahathir Mohamad yang membentuk hala tuju politik Melayu-Islamnya?

Jadual 1.1: Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian

Objektif Kajian	Persoalan Kajian
1. Mengenal pasti hala tuju politik Tun Dr. Mahathir Mohamad.	i. Apakah pendirian dan matlamat politik Tun Dr. Mahathir Mohamad yang dapat dikenal pasti?

2. Menganalisis hala tuju politik Tun Dr. Mahathir Mohamad berasaskan pendekatan Melayu-Islam.	ii. Bagaimanakah Tun Dr. Mahathir Mohamad mengaplikasikan pendekatan Melayu-Islam dalam hala tuju politik yang dibawanya?
	iii. Bagaimanakah petunjuk yang sesuai berkenaan hala tuju politik Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai Melayu-Islam?
3. Merumuskan hala tuju politik Melayu-Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad.	iv. Apakah hala tuju politik Tun Dr. Mahathir Mohamad yang membentuk hala tuju politik Melayu-Islamnya?

Hubungan antara objektif kajian dengan persoalan kajian telah ditunjukkan di Jadual 1.1. Bagi memperoleh ketiga objektif kajian yang telah ditetapkan, terdapat empat persoalan yang dikemukakan. Objektif kajian pertama mempunyai satu persoalan kajian. Pertama, apakah pendirian dan matlamat politik Tun Dr. Mahathir Mohamad yang dapat dikenal pasti? Selanjutnya, dalam memperolehi objektif kajian kedua, terdapat dua persoalan kajian. Pertama, bagaimanakah Tun Dr. Mahathir Mohamad mengaplikasikan pendekatan Melayu-Islam dalam hala tuju politik yang dibawanya?; dan kedua, bagaimanakah petunjuk yang sesuai berkenaan hala tuju politik Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai Melayu-Islam? Untuk objektif kajian yang terakhir, terdapat satu persoalan iaitu apakah hala tuju politik Tun Dr. Mahathir Mohamad yang membentuk hala tuju politik Melayu-Islamnya?

## 1.6 Definisi Operasional

Terdapat tiga kata kunci utama yang telah digunakan dalam kajian ini. Kata kunci tersebut adalah hala tuju politik, Melayu-Islam dan hala tuju politik Melayu-Islam. Definisi operasional bagi kata kunci itu dibincangkan untuk menjelaskan maksud secara khusus yang digunakan dalam kajian ini. Huraian terperinci mengenai kata kunci tersebut adalah seperti di bawah.

### **1.6.1 Hala Tuju Politik**

Berdasarkan Dewan Bahasa dan Pustaka (t.t.), hala tuju membawa maksud sesuatu yang ingin dicapai dan dilaksanakan oleh seseorang, negara, organisasi dan sebagainya secara khusus. Hala tuju negara merupakan isu yang amat penting untuk diutarakan kerana ia merupakan penunjuk arah bagi sesebuah negara.

Menurut Wan Norhasniah (2012), hala tuju merupakan pembinaan jati diri individu tertentu dalam memupuk dan mempengaruhi nilai yang diterapkan dalam rukun asas pembentukan hala tuju atau matlamat tertentu.

Hala tuju adalah satu matlamat besar yang merangkumi jangka masa panjang untuk dicapai oleh sebuah bangsa dan negara. Ia meliputi aspek politik, keselamatan, pembangunan, kebajikan serta hal-ehwal luar negara. Penetapan hala tuju yang jelas mampu membawa keamanan, kemakmuran serta kemajuan kepada negara sekaligus dapat mengekalkan imej baik negara. Namun hala tuju ini boleh dicapai apabila sebuah pemerintahan itu dijalankan dengan baik (Hazair, 2004). Justeru itu, pemimpin yang mempunyai hala tuju yang jelas dapat mempengaruhi keupayaan dalam membina pengaruh untuk mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.

Berdasarkan definisi-definisi yang dijelaskan, definisi hala tuju yang sesuai digunakan dalam kajian ini ialah garis panduan kepada pemimpin sebagai satu landasan untuk mencapai visi dan misi yang boleh membawa kepada kemajuan agama, bangsa dan tanah air.

Politik telah ditakrifkan oleh Hazair (2004) sebagai apa-apa sahaja yang berkenaan dengan pemerintahan kerajaan atau sesebuah negara termasuklah isu-isu seperti pemberian kuasa, kehakiman, penguatkuasaan, penjagaan, pemeliharaan, kemajuan dan pembangunan. Menurut beliau lagi, perkataan “politik” adalah berasal

daripada perkataan Latin “*politicus*” dan digunakan oleh orang Greek yang membawa maksud berkenaan rakyat (*relating to a citizen*) (A.S Hornby, 1974).

Tambahan lagi, Abdulkadir dan Muhamad (2005) menyatakan bahawa politik meliputi urusan pentadbiran, hubungan antarabangsa, tipu muslihat dan turut dikenali sebagai “ilmu politik”. Istilah politik digunakan untuk menjadi garis panduan dalam semua proses bagi pembentukan keputusan yang akan melibatkan masyarakat. Oleh sebab itu, politik sering dianggap sebagai satu aktiviti persaingan dalam menentukan siapa yang akan memperolehi ganjaran, bila dan bagaimana caranya (Lasswell; Carpenter, 1936). Politik dalam bahasa Arab disebut sebagai *siyasa* dan mengisyaratkan bahawa tujuan *siyasa* adalah mengatur dan membuat kebijaksanaan atas sesuatu yang bersifat politis untuk mencapai sesuatu (Achmad & Havis, 2021).

Berdasarkan definisi-definisi yang dijelaskan sebelum ini, politik yang digunakan dalam kajian ini ialah salah satu aktiviti urus tadbir yang dijalankan bagi melaksanakan urusan mencapai agenda yang ditetapkan. Politik sebagai kuasa pemerintahan, pentadbiran negara dan sebahagian dalam Islam sebagai satu pengurusan tadbir yang melibatkan urusan manusia dalam memperolehi kebaikan di dunia dan membawa mereka ke jalan yang diredhai oleh Allah.

### **1.6.2 Melayu-Islam**

Di Malaysia secara amnya, bangsa Melayu dan Islam mempunyai kaitan. Hal ini jelas apabila asas-asas yang terbina adalah seiring dengan pembinaan tatacara orang Melayu. Signifikan tersebut telah diperakui oleh para pengkaji yang menjalankan pengkajian berkaitan sosial dalam pembentukan budaya dan cara hidup masyarakat Melayu hasil daripada asas utama ajaran Islam. Perihal Melayu-Islam diperincikan dan takrifan Melayu adalah seperti berikut:

*“Seseorang yang beragama Islam, mengamalkan adat dan budaya Melayu, melazimi pertuturan dalam bahasa Melayu dan lahir sebelum Hari Merdeka, di Persekutuan atau di Singapura, atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan, atau pada hari Merdeka itu, ia adalah berdomisil di Persekutuan atau Singapura atau ia adalah keturunan seseorang yang tersebut.”*

*(Perkara 160(2), Perlembagaan Persekutuan)*

Di samping itu, Melayu dan Islam dilihat sebagai satu komponen yang sukar untuk dipisahkan (A. Faisal & Hamidah, 2010) dan merupakan dua unsur yang menjadi perkara tunjang dalam Perlembagaan Persekutuan (Nisar, 2020). Ia adalah hasil daripada persetujuan yang telah melibatkan pimpinan masyarakat yang mewakili kaum masing-masing. Oleh sebab itu, Melayu dijadikan sebagai bangsa yang relevan dalam isu sosial dan perkembangan politik moden semasa (A. Faisal & Hamidah, 2010) dan agama Islam telah diisytiharkan sebagai agama Persekutuan di Malaysia. Peruntukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 3(1) adalah jelas menyatakan bahawa Islam merupakan agama Persekutuan, akan tetapi dalam waktu yang sama memberikan hak kepada orang bukan Melayu untuk mengamal dan memiliki pegangan mereka secara tersendiri (Nazri & A. Hidayat, 2017).

Prof. Tan Sri Dr. Syed Muhammad al-Naquib bin Ali bin Abdullah bin Muhsin al-Attas adalah cendekiawan Muslim, ahli falsafah Muslim dan tokoh Melayu yang mendefinisikan Islam sebagai agama yang benar di sisi Allah SWT dan agama bagi umat Islam yang digelar Muslim. Islam juga merupakan agama yang mengajarkan konsep akhlak dan tidak tertumpu kepada satu sudut kepercayaan sahaja (Mastura et al., 2021). Tambahnya lagi, perkataan Islam memberi maksud tunduk dan patuh kepada perintah Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya (S. Abul A'la Maududi, 1985).

Islam dalam perlembagaan merupakan satu isu yang amat berat, tambahan ia berkait dengan kepercayaan dan pegangan yang dipegang oleh majoriti masyarakat di Malaysia. Orang Melayu terutamanya menganggap agama tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan seharian mereka. Meskipun pegangan adalah bergantung pada individu tetapi dalam konteks Malaysia, isu ini akan memberi impak besar sehingga mampu untuk menggugat ketenteraman antara kaum seperti kes Natrah pada tahun 1950 dan Nur Aisyah pada tahun 1998. A. Faisal dan Hamidah (2010) menyifatkan bahawa Islam telah membawa perubahan dalam sistem politik dan pentadbiran negara apabila kerajaan-kerajaan besar dijadikan bukti keunggulan Islam dalam menerajui tampuk pemerintahan negara.

Definisi Melayu-Islam yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti yang tertulis dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu seseorang yang beragama Islam, mengamalkan adat dan budaya Melayu, melazimi pertuturan dalam bahasa Melayu.

### **1.6.3 Hala Tuju Politik Melayu-Islam**

Pengkaji menyimpulkan bahawa hala tuju politik Melayu-Islam adalah satu cabang pendekatan politik yang memfokuskan kepada kepentingan hak orang Melayu sebagai bangsa dominan dalam pembentukan negara dan Islam sebagai agama persekutuan yang menjadi tonggak kepada identiti, nilai serta dasar pentadbiran negara. Pendekatan ini bukan sahaja menitikberatkan aspek politik dan kuasa, malahan meliputi sosioekonomi, pendidikan, budaya dan moral yang terkait dalam membentuk atau membina masyarakat Melayu yang maju, berdaya saing dan berintegriti tinggi.

## **1.7 Skop Dan Batasan Kajian**

Berdasarkan kajian yang memfokuskan hala tuju politik Melayu-Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad, maka ia diskopkan kepada empat bahagian. Bahagian pertama

hala tuju politik. Bahagian kedua, pendirian, matlamat dan pendekatan. Bahagian ketiga pula Melayu-Islam. Bahagian terakhir adalah Tun Dr. Mahathir Mohamad. Daripada skop-skop kajian itu, terbatas kepada limitasi-limitasi seperti berikut:

Batasan Subjek Kajian – Subjek yang dibatasi dalam kajian ini adalah hala tuju politik Tun Dr. Mahathir Mohamad. Tumpuan dilaksanakan rentetan daripada hala tuju yang diambil oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad sukar dikenal pasti kerana beliau pernah bersama pelbagai pakatan politik sama ada dalam kerajaan mahupun pembangkang.

Batasan Bidang – Kajian ini terbatas kepada bidang Ekonomi Politik Islam khususnya dalam bidang politik kerana kajian ini akan menumpukan kepada hala tuju politik Melayu-Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Batasan Objek Kajian – Objek kajian ini dibatasi kepada seorang tokoh politik di Malaysia iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad. Tokoh-tokoh lain tidak akan dikaji dalam kajian ini. Tujuan kajian ini dijalankan kerana ingin meneliti hala tuju politik Melayu-Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana proses perjalanan politiknya yang pelbagai.

Batasan Tempat Kajian – Kajian ini terbatas kepada Malaysia yang menjadi gelanggang utama politik Tun Dr. Mahathir Mohamad. Walaupun Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah tokoh dunia, kajian ini akan menumpukan kepada perjalanan politiknya di Malaysia sahaja.

Batasan Masa Kajian – Kajian ini dilaksanakan dalam tempoh antara tahun 2021 hingga 2024, merangkumi data yang diperoleh sepanjang tahun tersebut. Pemilihan tempoh ini adalah bertujuan untuk memastikan data yang diperoleh adalah

terkini dan selaras dengan keadaan dan isu-isu semasa.

### **1.8 Kepentingan Kajian**

Hasil daripada perbincangan yang dilaksanakan di permulaan sub-topik iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional dan skop dan batasan kajian, terdapat lima kepentingan kajian yang diperolehi. Pertama, penerokaan awal terhadap hala tuju politik Melayu-Islam; kedua, membantu pengkaji untuk memahami ideologi politik Melayu-Islam; ketiga, dari sudut pandang keupayaan politik Melayu-Islam dalam bidang akademik; keempat, adalah penting kepada generasi akan datang; dan akhir, pengukuhan kefahaman terhadap hubungan antara politik, agama, bangsa dan negara.

Kepentingan pertama berkaitan penerokaan awal terhadap hala tuju politik Melayu-Islam yang masih belum ada pengkaji yang menjalankan kajian. Selari dengan bidang yang kurang matang dari segi teori dan praktikalnya, ini dapat dilihat melalui pendekatan, teknik, kaedah, isu dan pengsektoran oleh pengkaji dalam bidang ini masih dianggap relevan untuk dijadikan bahan rujukan.

Kepentingan kedua kajian ini ialah membantu pengkaji untuk memahami secara terperinci bidang berkaitan ideologi politik orang Melayu dan pendekatan Islam yang sesuai diamalkan di Malaysia yang mempunyai kepelbagaian kaum.

Kepentingan ketiga kajian ini adalah dari sudut pandang keupayaan politik Melayu-Islam dalam bidang akademik. Ia akan memberi sumbangan kepada idea-idea baharu dalam proses memamatkan sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia. Tambahan pula, ia mampu memberi pandangan baharu dalam aspek pembangunan Islam dan politik.